

BAB EMPAT

ISU-ISU PERLAKSANAAN KUTIPAN ZAKAT PENDAPATAN

4.1. Pendahuluan

Setelah membicarakan bagaimana pelaksanaan zakat pendapatan di Aceh pada bab sebelum ini maka dapat diperkirakan isu-isu yang akan muncul dengan pelaksanaan yang demikian. sebenarnya dalam mengukuhkan pentadbiran zakat pendapatan yang efektif dan sesuai dengan perkembangan terkini banyak faktor penting yang mesti dilakukan oleh pihak yang berwajib untuk kejayaan pengurusan zakat pendapatan ke hadapan. Antara faktor-faktor itu adalah seperti mengemaskan perundang-undangan zakat serta penguatkuasaannya, mekanisme pengutipan dan penyaluran yang efektif, kewibawaan lembaga zakat yang mendapat kepercayaan daripada masyarakat, tersedianya pengelola zakat yang berketrampilan dan berkualiti, informasi dan sosialisasi zakat yang cukup, wujud keseragaman penerapan konsep zakat pendapatan, pemahaman dan kesedaran masyarakat yang tinggi terhadap kewajipan zakat pendapatan dan sebagainya. Semua faktor-faktor di atas sebenarnya berkait rapat dengan tiga golongan pelaksana zakat iaitu pemerintah, lembaga zakat dan muzakki itu sendiri. Peranan pemerintah adalah berkaitan dengan penguatkuasaan undang-undang dan menjalankannya dengan baik. Lembaga zakat pula bertindak sebagai pelaksana zakat dengan mekanisme pengutipan, penyaluran dan sosialisasi zakat yang efektif. Sementara muzakki pula berkaitan dengan kesedaran mereka terhadap kewajipan mengeluarkan zakat. Oleh itu, apabila membicarakan mengenai isu-isu pelaksanaan kutipan zakat pendapatan maka faktor-faktor di atas perlu dilihat secara mendalam bagaimana keadaannya selama ini. kerana isu-isu tersebut berpunca dari faktor-faktor tersebut.

Oleh itu, pada bahagian ini akan dibincangkan mengenai isu-isu pelaksanaan kutipan zakat pendapatan di Aceh yang kerap terjadi selama ini. Apabila diklarifikasikan maka isu-isu tersebut dapat dibahagikan kepada dua, iaitu isu-isu dalaman lembaga zakat dan isu-isu luaran. Antara isu dalaman adalah kurangnya sumber daya insan yang berkualiti yang mampu mengelola zakat pendapatan dengan baik dan efektif, kelengkapan pendataan, sistem sosialisasi dan informasi yang masih belum dapat memberi kesedaran sepenuhnya terhadap masyarakat dan lain sebagainya. Sementara isu-isu luaran adalah seperti pemahaman dan kesedaran masyarakat yang masih kurang, pengamalan fikih tempatan yang belum menerima konsep zakat pendapatan serta sistem pengutipan dan penyalurannya, kepercayaan masyarakat terhadap lembaga zakat, permasalahan dualisme undang-undang dan koordinasi antara lembaga-lembaga zakat yang belum dijalankan sepenuhnya. Kesemua isu-isu tersebut akan dijelaskan secara terperinci sepertimana berikut ini.

4.2. Isu-Isu Dalaman Lembaga Zakat

4.2.1. Profesionalisme pengelola zakat

Penggunaan sumber manusia secara optimum dan bijak amat penting untuk mempercepatkan tercapainya matlamat pentadbiran zakat. Dalam sistem ekonomi Islam, ada dua perkara yang selalu ditekankan, iaitu kemahiran dan keikhlasan. Kedua-duanya mesti dimiliki secara serentak dan tidak boleh dipisahkan. Sekiranya terdapat satu perkara sahaja, maka aktiviti pentadbiran zakat yang dijalankan tidak akan sempurna.¹ Hal ini disebabkan sekiranya seseorang yang mahir tidak ikhlas

¹ Khurshid Ahmed, *Economic Development in an Islamic Framework*, (Leicester: The Islamic Foundation, 1979), 223-240. Dan Abu Hassan Muhammad Sadeq, *Pembangunan Ekonomi dalam Islam*, terj. Rohani Sulaiman (Selangor: Utusan Publications & Distributors sdn. Bhd., 2003), 104-107.

dalam kerja yang dilaksanakan ataupun sekiranya seseorang yang ikhlas tidak memiliki kemahiran, maka ia dijangka akan menunjukkan prestasi yang buruk. Oleh itu, kedua-dua harus berjalan seiring dalam mewujudkan pentadbiran zakat yang bijak lagi profesional. Kemahiran dan keikhlasan diharapkan mampu melahirkan sifat-sifat lain seperti amanah, memiliki kemahiran pengurusan (managerial skills), kepemimpinan (leadership skills), berdaya saing dan tidak bermotifkan untung (inovatif and non profit motives). Namun mencari tenaga kerja yang professional yang memiliki kriteria tersebut bukan sesuatu yang mudah dan tidak semua orang boleh sedemikian. Oleh itu, pekerjaan menjadi seorang pengelola zakat (amil) kurang disukai oleh masyarakat, bahkan yang belajar dalam bidang ekonomi syariahpun lebih suka memilih kerjaya di sektor kewangan seperti perbankan atau insuran. Menjadi seorang amil kurang menarik minat para belia hari ini kerana tidak ada daya tarik kerjaya di sana. Padahal lembaga amil memerlukan banyak sumber daya manusia yang berkualiti agar pentadbiran zakat dapat dijalankan secara profesional, amanah, penuh tanggung jawab dan telus. Ini kerana sesungguhnya kerja menjadi seorang amil mempunyai dua aspek tidak hanya aspek material semata-mata malahan ia juga satu ibadah.²

Selain itu, ada beberapa alasan lain penyebab kurangnya minat golongan belia bekerja sebagai pengelola zakat. Antaranya kesan yang terjadi selama ini bahawa bekerja di lembaga zakat lebih sinonim dengan kerja-kerja amal dan sosial sehingga terdapat anggapan ianya tidak layak untuk digaji ataupun diberi upah, apatah lagi jika gaji mereka dari senif amil zakat yang mana sebahagian masyarakat menganggap hal itu masalah yang sensitif walaupun al-Qur'an menyebutkan amil sebagai salah satu

² Drs. Marthin Desky (Kepala Baitul Mal Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 6 Jun 2011. Perkara yang sama juga dikemukakan Rohandi MA. (Maneger Pos Keadilan Peduli Umat, cawangan provinsi Aceh) dalam temubual pada Jun 2013.

asnaf atau mustahik.³ Namun terdapat sedikit perkembangan di lembaga zakat Baitul Mal Aceh di mana kos operasional telah diperuntukan oleh pemerintah yang dibiayai dari sumber Anggaran Pendapatan Belanja Daerah (APBD) sementara lembaga-lembaga zakat swasta yang lain masih mengekalkan sebagai senif amil.⁴

Pengelola zakat di Aceh sendiri mengakui bahawa kurangnya sumber daya insan yang mampu mengelola zakat secara profesional adalah satu masalah yang dihadapi selama ini.⁵ Diakui juga bahawa ada pengelola zakat yang memiliki jabatan di lembaga lain selain lembaga zakat tersebut, terdapat juga yang hanya bekerja separuh masa (*part time*) atau yang sudah bersara dilantik semula sebagai pengelola zakat. Hal ini tentunya menyebabkan pentadbiran zakat tidak fokus sehingga hasilnya tidak optimum.⁶ Sebenarnya dengan adanya sumber daya insan yang berkualiti akan menentukan keberhasilan pentadbiran zakat kerana akan mampu menggerakkan taraf ekonomi masyarakat miskin. Banyaknya hasil kutipan zakat bukanlah penentu keberhasilan pentadbiran zakat jika kutipan yang banyak itu tidak dapat memberikan manfaat bagi masyarakat miskin atau mustahik yang memerlukan. Apalah makna kalau kutipan yang banyak tersebut hanya dinikmati oleh sebahagian mustahik sementara yang lainnya tidak diagihkan secara adil. Oleh itu, pengelola zakat yang professional sangat diperlukan untuk mengelola zakat dengan baik dan efektif.

³ Armiadi, MA. *Zakat Produktif: Solusi Alternatif Pemberdayaan Ekonomi Umat (Potret dan Praktek Baitul Mal Aceh)*, (Aceh: Ar-Raniry Press, 2008), 181.

⁴ Drs. Marthin Desky (Kepala Baitul Mal Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 6 Jun 2011.

⁵ Rohandi MA, (Maneger Pos Keadilan Peduli Umat, cawangan Provinsi Aceh) dalam temubual pada 5 Jun 2013.

⁶ Drs. Marthin Desky (Kepala Baitul Mal Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 6 Jun 2011

4.2.2. Isu Kelengkapan Maklumat Data Zakat

Maklumat data yang dimaksudkan di sini ialah maklumat tentang muzakki, mustahik, hasil kutipan dan penyaluran zakat secara lengkap dan tepat, sehingga dapat dibuat suatu perancangan secara tepat dan cermat bagaimana pentadbiran yang sebaiknya dilakukan pada masa hadapan. Pada umumnya ketiga-tiga lembaga zakat yang telah ditemubual telah berusaha melakukan pendataan tersebut namun pendataan tersebut tidaklah lengkap sepenuhnya. Berkaitan dengan pendataan hasil kutipan dan penyaluran pula lembaga zakat telah mencatat secara umum jumlah kutipan dan peruntukan penyalurannya, namun ianya belum terperinci mengikut jenis-jenis zakat. Sehingga sukar bagi kami melihat jumlah kutipan dan peratusan zakat pendapatan berbanding dengan jenis zakat yang lain seperti zakat perniagaan, pertanian dan sebagainya. Mungkin ini dipandang kurang perlu oleh sebahagian pihak, namun ianya penting untuk mengetahui secara tepat titik kelemahan yang terjadi sehingga dapat diberikan perhatian lebih atau penyelesaian yang tepat pada sasarannya.

Sementara berkenaan dengan pendataan muzakki zakat pendapatan pula juga belum terlaksana dengan sempurna. Keadaan ini terjadi kerana adanya beberapa rintangan yang dihadapi di lapangan. Mengikut keterangan yang didapati dari semua lembaga bahawa kesukaran terjadi dalam pendataan muzakki dari kalangan swasta sahaja. Sementara bagi muzakki yang bekerja di lembaga yang berada di bawah pemerintahan Aceh, Baitul Mal telah mencoba membuat pendataan mereka yang tertakluk kepada zakat pendapatan. Namun, pendataan itu belum lengkap sepenuhnya, seperti belum adanya pendataan terhadap seluruh kakitangan BUMN/BUMD (Badan Usaha Milik Negara/Badan Usaha Milik Daerah) dan syarikat-syarikat swasta ataupun pelbagai NGO yang berada di Aceh. Menurutnya lagi adalah amat sukar menjangkau

pendataan muzakki yang bekerja di lembaga-lembaga swasta dan ahli profesional kerana mereka bekerja secara sementara dan tidak tetap. Namun usaha ke arah itu sebenarnya telah dilaksanakan.⁷

Dalam pendataan mustahik zakat, ada sedikit perkembangan di lembaga-lembaga zakat Aceh, di mana kebanyakan mereka telah menyimpan data mustahik yang telah diberikan zakat, khususnya Baitul Mal yang telah membentuk cawangan di setiap daerah. Hal ini telah mempermudah pemantauan terhadap mustahik tersebut. Namun kepercayaan, tanggung jawab, pengawasan serta profesionalisme pengelola zakat di semua cawangan itu perlu ditingkatkan sehingga semua program dapat berjalan dengan lancar.⁸ Sementara itu penyaluran zakat oleh lembaga-lembaga zakat swasta pula kebanyakannya dilaksanakan dalam bentuk pelaksanaan program-program tertentu seperti mendirikan lembaga sosial bagi anak yatim, membuat rumah untuk dihuni oleh fakir miskin, pengobatan percuma dan sebagainya sehingga pendataan mereka dalam bentuk program-program tersebut.

Walaupun data mustahik telah dilakukan, namun ianya tidak menjamin akan wujud keadilan dalam pengagihan zakat, perkara ini disebabkan oleh wujudnya multi lembaga zakat.⁹ Lembaga-lembaga zakat tersebut mendapat kebenaran untuk menguruskan pengutipan dan pengagihkan zakat secara bersendirian. Hal ini akan menyebabkan kemungkinan terjadinya pertindihan (*overlapping*) dalam pengutipan dan penyaluran zakat. Perkara ini akan terjadi sekiranya tiada kerjasama yang bersifat koordinasi, konsultasi, rundingan bersama dan saling memberi informasi antara satu

⁷ Marthin Desky (Kepala Baitul Mal Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 6 Jun 2011. Riyadhi (Maneger Rumah Zakat Indonesia cawangan provinsi Aceh) dalam temubual pada 4 Jun 2013 perkara yang sama juga disampaikan oleh Rohandi (Maneger Pos Keadilan Peduli Umat, cawangan provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 5 Jun 2013

⁸ Gampong adalah sebutan untuk tempat yang berada pada peringkat desa.

⁹ Multi-Lembaga zakat yang dimaksudkan disini ialah wujud beberapa pusat zakat yang sama-sama aktif didalam pengelolaan zakat, dalam erti kata lain pengutipan dan penyaluran zakat pendapatan bukan hanya dilakukan oleh satu pusat zakat sahaja.

lembaga dengan lainnya.¹⁰ Hal ini berkemungkinan akan menyebabkan seorang mustahik zakat boleh menerima dua kali agihan zakat dari dua lembaga zakat yang berbeza dalam waktu yang sama. Jadi, wujudnya beberapa lembaga zakat di suatu tempat harus dilihat kembali segi positif dan negatifnya dalam mempekasakan pentadbiran zakat. Hal ini demikian kerana ia boleh menjadi suatu halangan dalam pelaksanaan zakat jika tidak diatur dengan baik. Namun apabila dapat diwujudkan kerjasama yang baik maka perkara ini bukanlah suatu halangan yang besar dalam pentadbiran zakat. Pendataan zakat, samada data muzakki, mustahik ataupun data hasil kutipan dan pengagihan, walaupun ianya dipandang sukar untuk diperbaharui sepanjang masa namun ia sangat diperlukan kerana kewujudannya dapat dijadikan kayu ukur atau indeks keberhasilan pentadbiran tersebut. Sehingga kita dapat melihat peratusan dan perkembangan berapa ramai para mustahik telah memanfaatkan daripada sumber zakat tersebut dan berapa ramai di kalangan mereka telah dapat meningkatkan taraf kehidupan. Begitu juga dengan muzakki, kita dapat melihat peratusan mereka dari semasa ke semasa dengan adanya database tersebut.

4.2.3. Isu Penguasaan Teknologi yang Digunapakai

Islam tidak menyangkal pemanfaatan teknologi walaupun teknologi itu hasil penemuan oleh orang bukan Islam. Bahkan ia memberi galakan untuk kemajuan teknologi dengan berusaha melakukan penyelidikan. Dalam al-Qur'an terdapat perintah daripada Allah SWT supaya meneroka segala yang ada di dunia ini demi

¹⁰ Marthin Desky (Kepala Baitul Mal Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 6 Jun 2011. Sebenarnya Undang-undang pentadbiran zakat Indonesia telah menetapkan mesti adanya suatu sifat koordinasi, konsultasi dan saling memberi informasi di kalangan lembaga zakat. Namun dalam perlaksanaannya lembaga-lembaga zakat di Aceh bergerak sendiri-sendiri di dalam pengutipan dan penyalurannya. Menurut temubual dengan pihak Baitul Mal belum ada laporan yang diterima dari lembaga-lembaga zakat swasta kepada Baitul Mal selaku lembaga zakat rasmi.

kebaikan manusia.¹¹ Penerokaan seperti ini memerlukan penyelidikan bagi mencipta kaedah yang boleh memberikan kemudahan bagi pengurusan sesuatu perkara. Dalam konteks inilah penerapan teknologi yang bersesuaian sangat diperlukan untuk mempercepat dan mempermudah pentadbiran zakat. Pemanfaatan teknologi dalam aktiviti pentadbiran zakat amat perlu bagi pengutipan, pendataan, informasi dan sosialisasi zakat. Misalnya, dengan bekerjasama dengan intansi kewangan pembayaran dapat dilakukan secara dalam talian. Kewujudan kemudahan seperti ini sangat membantu mereka yang berada jauh dari lembaga zakat ataupun mereka yang sibuk kerana jadual kerja yang terlalu padat. Hal ini akan dapat membantu masyarakat mengenai informasi hasil kutipan dan penyaluran zakat. Oleh yang demikian akan mewujudkan ketulusan dana sehingga menambah kepercayaan masyarakat terhadap lembaga zakat.

Penerapan teknologi di lembaga-lembaga zakat Aceh masih jauh jika dibandingkan dengan lembaga kewangan yang lain. Hal ini turut menjadi salah satu halangan terhadap pengutipan zakat pendapatan. Teknologi yang diterapkan dalam lembaga zakat masih terbatas kepada teknologi tahap biasa. Sistem pengiraan, pentadbiran, himpunan data haruslah menggunakan teknologi terkini, agar dapat menjangkau segala kelompok masyarakat terutama dari kalangan menengah atas yang kebanyakannya memiliki pendapatan lebih. Mobiliti tinggi memerlukan teknologi yang lebih efektif apabila lembaga zakat mampu melakukan inovasi dalam memberikan kemudahan kepada muzakki, maka akan semakin mampu meningkatkan proses himpunan dana.

¹¹ Allah swt menggalakkan kita agar melakukan penyelidikan dan penerokaan agar memdapatkan suatu temuan baru yang bermanfaat bagi kehidupan sejagat, tentunya penerokaan itu dilakukan dengan batasan-batasan syariat. Ini merupakan penafsiran dari banyak ayat al-Qur'an, di antaranya: 2:36, 15:19-20, 57:25, 16:14, 62:10.

Dalam penggunaan teknologi di kalangan lembaga-lembaga zakat di Aceh, lembaga-lembaga zakat swasta lebih maju berbanding lembaga zakat pemerintah. Mereka telah menyediakan pelbagai fasiliti untuk mempermudah pengelolaan zakat pendapatan. Pembayaran zakat boleh dilakukan secara dalam talian. Data zakat dapat diperoleh dengan mudah melalui laman web. Sosialisasi zakat pendapatan dilakukan dengan lancar samada melalui media cetak ataupun elektronik. Usaha ini terus dilakukan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kewajipan mengeluarkan zakat pendapatan sekaligus mendapatkan kepercayaan masyarakat terhadap lembaga zakat tersebut.

4.2.4. Sistem Informasi Zakat

Inilah salah satu bidang utama yang menyebabkan zakat belum mampu memberikan pengaruh yang signifikan dalam perekonomian di Aceh. Lembaga-lembaga zakat yang ada belum mampu menjalankan atau menyusun suatu sistem informasi zakat yang padu di kalangan amil. Sebagai contoh, penerapan ini adalah pada database muzakki dan mustahik. Melalui sistem informasi ini, para muzakki atau mustahik akan dibayar zakat oleh satu lembaga zakat sahaja, sehingga tidak akan terjadi pada muzakki yang sama didekati oleh beberapa lembaga lain, atau mustahik yang sama diberi bantuan oleh beberapa lembaga amil zakat.

Namun bukan bererti dengan adanya sistem informasi zakat ini, maka tidak ada lagi rahasia dan strategi khas di antara lembaga-lembaga zakat. Sebab kehadiran sistem informasi zakat adalah hanya untuk mempermudah mengenali titik-titik lokasi yang telah digarap oleh suatu lembaga, dan titik lokasi mana yang belum menerima bantuan. Hal ini dapat mencegah di mana akan terdapat lokasi

pemberdayaan yang “gemuk” dan ada lokasi yang “kurus”, kerana tujuan utama kehadiran lembaga amil zakat selain untuk mengelola dana zakat, namun harus pula mampu mengkoordinasikan agar zakat tersebut manfaat dan pengaruhnya dapat dinikmati oleh asnaf bagi peningkatan kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat.

Sebenarnya, mengikut undang-undang pengelolaan zakat Indonesia No. 23 tahun 2011 menuntut adanya suatu hubungan kerja yang bersifat koordinatif, konsultatif, dan informatif di kalangan lembaga-lembaga zakat sehingga pada pasal 19 menyatakan bahawa Lembaga Amil Zakat (LAZ) wajib melaporkan pelaksanaan pengutipan, pengagihan, dan pendayagunaan zakat yang telah diaudit kepada lembaga zakat resmi yaitu Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) yang di Aceh dinamakan dengan Baitul Mal secara berkala. Namun ironinya yang terjadi selama ini antara lembaga-lembaga zakat di Aceh hubungan kerja tersebut belum dilaksanakan dengan baik. Baitul Mal, selaku lembaga zakat rasmi belum pernah menerima laporan daripada lembaga-lembaga zakat swasta dan begitu juga lembaga-lembaga zakat swasta tidak mengetahui perkembangan yang dilakukan oleh Baitul Mal.¹² Keadaan seperti ini memberikan suatu peluang terjadinya pengutipan dan pengagihan zakat yang tidak adil dan merata.

¹² Marthin Desky (Kepala Baitul Mal Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 6 Jun 2011. Riadhi (Maneger Rumah Zakat Indonesia cawangan provinsi Aceh) dalam temubual pada 4 Jun 2013. Perkara yang sama juga disampaikan oleh Rohandi (Maneger Pos Keadilan Peduli Umat, cawangan provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 5 Jun 2013.

4.3. Isu-Isu Luaran Lembaga Zakat

4.3.1. Khilafiyah Konsep Zakat Pendapatan

Khilafiyah konsep zakat pendapatan merupakan isu utama pelaksanaan kutipan zakat pendapatan. Yang menjadi isu pertama adalah berkaitan penerimaan masyarakat terhadap hukum kewajipan zakat tersebut. Di Aceh ada dua golongan dalam penerimaan ini, iaitu golongan yang menerima kewajipan zakat pendapatan dan golongan yang bersikap sebaliknya. Isu yang kedua adalah berkaitan perbezaan penerapan konsep zakat pendapatan di lembaga-lembaga zakat.

Sampai saat ini masih terdapat golongan yang tidak setuju dengan kewajipan zakat tersebut. Masih ada masyarakat yang meyakini bahawa gaji dan pendapatan profesional bukanlah sumber harta yang wajib dikeluarkan zakat. Golongan ini menolak ijtihad kebanyakan ulama kontemporari yang telah mewajibkannya. Fenomena ini disebabkan kerana mereka berpendapat bahawa zakat adalah *'ibadah māliyah* yang bersifat *tauqifi*.¹³ Pendapat ini mengandaikan bahawa perintah zakat harus dilaksanakan sesuai dengan teks hadith yang berkaitan dengan harta-harta yang wajib dizakati tanpa ada *illat*. Pemikiran seperti ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi masyarakat di Aceh.

Perbezaan pandangan di kalangan ulama yang mewajibkan zakat pendapatan, terutamanya berkaitan dengan persyaratan haul, nisab dan kadarnya telah menyebabkan perbezaan penerapan di kalangan lembaga-lembaga zakat. Baitul mal

¹³ Ibadah Tauqifiyyah maksudnya adalah ibadah yang syarat, rukun dan kaifiyahnya telah diatur oleh syarak dan tidak boleh ditokok tambah. Dalam kes ini zakat adalah ibadah tauqifiyyah yang mana sumber-sumbernya telah ditetapkan dalam al-qur'an dan hadist. Oleh itu zakat pendapatan seperti yang dipahami sekarang ini bukanlah dari sumber yang telah dibahaskan oleh ulama terdahulu maka tidak wajar untuk dikenakan zakat.

misalnya telah melaksanakan pengutipan zakat tanpa persyaratan haul dengan nisab sebanyak 94 gram emas dan kadar 2.5 peratus tanpa tolakan-tolakan tertentu. Mekanisme pengutipan tersebut dilakukan dengan cara skim pemotongan gaji bulanan. Tidak seperti lembaga-lembaga swasta, di mana pihak lembaga memberikan kebebasan kepada muzakki di antara mengikut persyaratan haul dengan tolakan-tolakan tertentu ataupun tidak dengan kadar 2.5 peratus. Namun di dalam penetapan nisab, PKPU lebih memilih untuk menetapkan 85 gram emas dan Rumah Zakat memilih 5 *wasaq* sesuai dengan kias mereka kepada zakat pertanian.

Ketidakseragaman ini menjadi isu lain dalam pelaksanaan kutipan zakat. Terutama berkaitan dengan ketentuan nisab samada 5 *wasaq*, 85 atau 94 gram emas. Ketentuan 94 gram emas telah termaktub di dalam kanun Aceh no. 10/2007 tentang Baitul mal. Ketetapan ini berdasarkan atas fatwa Majlis Permusyawaratan Ulama (MPU) Aceh. MPU memfatwakan 94 gram emas sesuai dengan ijihad beberapa ulama dan setelah menyelidiki nilai sebenar emas yang beredar di Aceh selama ini apabila dibandingkan dengan nilai emas pada zaman Rasulullah. Sementara lembaga zakat yang menetapkan 85 gram emas juga sesuai itjihad mereka terhadap hadits. Dalam perkara ini sekurang-kurangnya ada kesepakatan dan perbahasan bersama di kalangan lembaga-lembaga zakat supaya dapat menghindari kebingungan masyarakat dalam pengiraan zakat bagi pendapatan mereka. Hal ini juga kerana mereka berada dalam kawasan muzakki yang sama iaitu Aceh.

4.3.2. Kurang Pemahaman dan Kesedaran Masyarakat

Kesedaran masyarakat terhadap kewajipan zakat pendapatan masih kurang, samada muzakki dari kalangan pemerintah ataupun swasta. Sikap ini dapat kita

perhatikan dari kurangnya kutipan zakat yang terkumpul di lembaga-lembaga zakat. Padahal potensi zakat pendapatan sangatlah besar.¹⁴ Kajian telahpun dilakukan oleh Armiadi berkaitan kurang kefahaman dan kesedaran masyarakat ini dalam bukunya yang bertajuk *Zakat Produktif: Solusi Alternatif Pemberdayaan Ekonomi Umat, Potret dan Praktek Baitul Mal Aceh*. Lebih lanjut beliau menjelaskan antara faktor yang mempengaruhi kurangnya kesedaran tersebut adalah berkaitan dengan konsep zakat pendapatan itu sendiri yang belum boleh diterima oleh keseluruhan masyarakat seperti yang telah kita jelaskan sebelum ini. Faktor lain juga adalah disebabkan pendidikan agama yang kurang memberi penekanan kepada perbahasan zakat pendapatan. Perbahasan yang terkandung dalam kurikulum sekolah hanya sekadar menjelaskan tentang zakat secara umum. Berkaitan dengan sumber-sumber zakat baru langsung tidak mendapat perhatian. Akibatnya masyarakat tidak memahami konsep zakat tersebut.¹⁵

Faktor selanjutnya ialah sosialisasi zakat pendapatan yang belum maksimum. Hal ini tidak bermakna tidak ada sosialisasi sama sekali, pelbagai pihak samada dari kalangan pemerintah ataupun swasta telah menjalankan sosialisasi zakat pendapatan, namun sosialisasi tersebut belum sepenuhnya memberi impak positif terhadap tingkat pemahaman dan kesedaran masyarakat terhadap kewajipan zakat pendapatan. Sosialisasi juga kurang menyentuh kesemua lapisan masyarakat terutamanya masyarakat di kawasan pedalaman. Adapun sikap masyarakat terhadap sosialisasi zakat pendapatan dapat dibahagikan kepada dua golongan, iaitu golongan yang pasif dan golongan yang aktif. Golongan pasif ialah golongan yang hanya sekadar mengetahui adanya kewajipan zakat pendapatan sambil lewa sahaja dan tidak tahu-

¹⁴ Riyadhi. (Maneger Rumah Zakat Indonesia cawangan Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 4 Jun 2013. Perkara yang sama juga disampaikan oleh Rohandi (Maneger Pos Keadilan Peduli Umat cawangan Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 5 Jun 2013.

¹⁵ Armiadi, *Zakat Produktif*, 173-175.

menahu berkaitan konsep dan perlaksanaannya di lembaga-lembaga zakat. Kebanyakan mereka yang bekerja di bawah kerajaan mengeluarkan zakat pendapatan kerana tertakluk kepada skim pemotongan gaji sementara mereka yang bekerja di sektor swasta pula kebanyakannya tidak mengeluarkan zakat pendapatan. Golongan pasif ini merupakan golongan majoriti di kalangan muzakki zakat pendapatan. Golongan aktif pula ialah golongan yang aktif dan sangat ingin tahu berkaitan konsep dan mekanisma pelaksanaan zakat pendapatan. Hal ini kerana mereka mempelajari, bertanya dan membaca pelbagai bahan bacaan yang berkaitan dengan zakat pendapatan. Golongan aktif ini dapat dibahagikan kepada dua golongan. Golongan pertama ialah yang meyakini kewajipan zakat pendapatan. Mereka ini, samada yang bekerja di bawah kerajaan ataupun swasta akan mengeluarkan zakat pendapatan. Cuma dalam penyaluran zakat tersebut ada yang menyalurkannya melalui lembaga zakat dan tidak kurang daripada mereka yang menyerahkan sendiri kepada mustahik atau tokoh-tokoh agama yang ia percayai. Golongan kedua ialah mereka yang tidak meyakini kewajipan zakat pendapatan, bahkan menurutnya zakat pendapatan adalah bid'ah yang diada-adakan. Golongan ini tentunya tidak mengeluarkan zakat pendapatan. Kedua-dua golongan aktif ini merupakan golongan minoriti di kalangan muzakki zakat pendapatan di Aceh.¹⁶

Pengenaan cukai pendapatan dan zakat secara serentak juga merupakan satu faktor yang mempengaruhi kesedaran terhadap kewajipan zakat pendapatan. Khususnya mereka yang berpendapatan rendah dan memiliki tanggungan yang banyak. Pelaksanaan zakat selama ini dipotong daripada gaji tanpa adanya tolakan-tolakan apapun seperti keperluan asas, hutang dan tanggungan dan ditambah lagi dengan pemotongan cukai pendapatan daripada gaji tersebut. Hal ini dianggap satu

¹⁶ Riyadhi. (Maneger Rumah Zakat Indonesia cawangan Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 4 Jun 2013

bebanan oleh sebahagian masyarakat sehingga mereka mengharapkan adanya rebet cukai apabila zakat pendapatan telah dilaksanakan.¹⁷

Antara faktor lain yang menyebabkan kurangnya kesedaran masyarakat adalah disebabkan undang-undang ataupun kanun penyelenggaraan zakat belum dijalankan sepenuhnya dan tidak adanya ketegasan terhadap muzakki yang tidak mengeluarkan zakat. Padahal di dalam Kanun No.10/2007 telah menetapkan ketentuan '*uqubat* (hukuman ataupun denda) terhadap orang Islam atau suatu lembaga/badan pemerintahan dan swasta yang tidak mengeluarkan zakat.¹⁸ Selama ini kanun agak sedikit tegas dijalankan terhadap sektor pemerintahan sahaja sementara untuk kalangan swasta tidak begitu mendapat perhatian seolah-olah kuasa hukum tidak berlaku ke atasnya. Oleh itu, kutipan zakat pendapatan di Baitul Mal Aceh hampir dapat dipastikan 90% berasal daripada pegawai/kakitangan pemerintah.¹⁹ Sementara lembaga zakat swasta tidak memiliki kuasa hukum untuk itu. Apa yang mampu dilakukan hanya sekadar memberikan motivasi dalam mengalakkan muzakki mengeluarkan zakat. Lemahnya penegakan kuasa hukum dalam perkara ini berkaitan dengan kurangnya sokongan politik daripada golongan pemerintah. Pemerintah hanya memandang remeh perkara ini. Padahal sokongan pemerintah amat diharapkan dalam memartabatkan dan meninggikan fungsi dan eksistensi lembaga zakat sehingga dapat menunjukkan keberadaan dan peran pentingnya di kalangan masyarakat.

¹⁷ Damanhur, "Kesan Perlaksanaan Cukai Pendapatan dan Penguatkuasaan Zakat Terhadap Gelagat Kepatuhan Membayar Zakat Pendapatan di Aceh" (Disertasi Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Univesiti Malaya, 2009), 116-120.

¹⁸ Kanun No.10/2007, Ketentuan '*Uqubat*, Pasal 50. Ketentuan itu menyebutkan: Setiap orang Islam atau Badan yang melanggar ketentuan Pasal 21 ayat (1), dihukum kerana melakukan jarimah ta'zir dengan '*uqubat*, berupa : a. denda paling sedikit satu kali nilai zakat yang wajib dibayarkan, paling banyak dua kali nilai zakat yang wajib dibayarkan; dan b. kewajipan membayar seluruh biaya yang diperlukan sehubungan dengan audit khusus.

¹⁹ Marthin Desky (Kepala Baitul Mal Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 6 Jun 2011.

4.3.3. Sikap Kurang Percaya Terhadap Lembaga Zakat dan Kebiasaan Tradisional

Antara isu luaran yang lain ialah sikap muzakki yang masih ragu dan kurang percaya terhadap lembaga zakat. Sikap kurang kepercayaan ini disebabkan oleh banyak faktor, seperti masyarakat tidak percaya dilatarbelakangi oleh individu atau pentadbir zakat itu sendiri, terutamanya terhadap lembaga zakat pemerintah. Hal ini disebabkan oleh sikap pemerintah itu sendiri secara amnya yang masih lagi melakukan rasuah atau korupsi, sehingga menyebabkan terhakisnya kepercayaan masyarakat terhadap semua lembaga yang mengelola dana awam. Faktor lainnya berkaitan dengan transparansi, akuntabeliti, amanah, pertanggungjawaban yang dianggap masyarakat masih kurang. sehingga tidak nampak bagi masyarakat hasil yang konkrit. Walaupun lembaga zakat telah bekerja secara maksimal menurut kemampuan yang ada, namun anggapan semacam ini masih berlaku menurut sebahagian muzakki.²⁰

Akibat dari sikap kurang percaya ini telah menyebabkan satu kebiasaan lain, iaitu kebiasaan muzakki yang menyalurkan zakat pendapatan mereka bukan kepada lembaga zakat tetapi kepada tengku, masjid, ustaz atau tokoh agama setempat ataupun tidak mengeluarkan langsung.²¹ Manakala yang lain ada juga yang menyerahkan terus kepada mustahik. Penyerahan seperti ini memang tidak sepenuhnya salah, namun sebaiknya tidak berlaku. Hal ini untuk menghindari perlonggokan harta kepada orang-orang tertentu dan untuk mewujudkan penyaluran sesuai prioriti mustahik yang lebih memerlukan, di mana pendataan itu hanya ada pada lembaga zakat. Fenomena agih zakat sendiri ini bukan sahaja melibatkan individu-individu tetapi juga termasuk syarikat-syarikat yang ada di Aceh. Terdapat juga golongan yang mengagihkan keseluruhan wang zakat mereka, namun terdapat juga yang mengagihkan sendiri

²⁰ Armiadi, *Zakat Produktif*, 175-177.

²¹ Marthin Desky (Kepala Baitul Mal Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 6 Jun 2011 dan istilah Tengku bermaksud panggilan bagi orang-orang yang mengetahui agama.

hanya sebahagian. Tiada statistik khas yang dapat dikeluarkan bagi mengetahui tahap amalan ini.

4.3.4. Wujud Beberapa Lembaga Zakat di Dalam Satu Kawasan

Seperti yang telah dijelaskan pada bab sebelum ini, wujud beberapa lembaga zakat yang sama-sama beroperasi di Aceh, yang dapat di sebut dengan multi-lembaga zakat. Kewujudan multi-lembaga zakat ini akan menjadi isu terhadap pengutipan dan penyaluran zakat pendapatan secara umum. Masalah ini akan menjadi lebih teruk apabila tidak wujud kolerasi dan koordinasi yang bersepadu di kalangan lembaga-lembaga zakat tersebut. Misalnya akan berpeluang terjadi perebutan lahan di dalam pengutipan zakat. Begitu juga dalam penyalurannya akan terjadi kemungkinan dua kali penyaluran terhadap suatu asnaf.

Kewujudan multi-lembaga zakat ini disebabkan kerana ada dua undang-undang di Aceh berkaitan pengelolaan zakat iaitu undang-undang Republik Indonesia nomor 23/2011 dan kanun Aceh 10/2007 tentang Baitul Mal. Undang-undang 38/1999 berlaku untuk seluruh Indonesia sementara kanun 10/2007 khusus untuk daerah Aceh sahaja Mengikut undang-undang 23/2011, menunjukkan adanya kebenaran untuk penumbuhan suatu lembaga zakat di Indonesia. Penumbuhan tersebut dibenarkan apabila mendapat keizinan daripada kementerian pada peringkat nasional atupun gabenor pada peringkat daerah atau provinsi.²² Oleh itu muncullah lembaga-lembaga zakat swasta yang kemudiannya membuka cawangan di pelbagai daerah di Indonesia. Sementara mengikut kanun 10/2007 menghendaki hanya Baitul Mal sebagai satu-satunya lembaga zakat di Aceh.

²² Undang-undang no 23/2011 terdapat pada bahagian keempat Lembaga Amil Zakat yang terdiri dari pasal 17 sampai pasal 20.

Kewujudan multi lembaga zakat selama ini telah menjadi isu dalam pentadbiran zakat pendapatan di Aceh. Khususnya dalam hal pengutipan dan penyaluran zakat seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Perkara ini terjadi kerana tidak terjalin hubungan kerja yang bersifat koordinatif, konsultatif dan informatif di kalangan lembaga-lembaga zakat. Pihak Baitul Mal selaku lembaga zakat rasmi kerajaan selama ini belum menerima laporan dari lembaga-lembaga zakat swasta dan begitu juga lembaga zakat swasta tidak memiliki maklumat berkaitan pengelolaan yang sedang di jalankan oleh Baitul Mal.²³ Padahal mengikut undang-undang No. 23/2011 dengan jelas menyatakan Lembaga Amil Zakat di semua tingkatan memiliki hubungan kerja yang bersifat koordinatif, konsultatif dan informatif dan wajib memberikan laporan secara berkala.²⁴ Di samping itu juga, kewujudan multi lembaga telah menyebabkan ketidak-seragaman penerapan konsep zakat pendapatan, seperti ketentuan nisab, di mana lembaga zakat Baitul mal menetapkan 94 gram emas sesuai dengan ketetapan kanun dan fatwa Majlis Permusyawaratan Ulama (MPU) Aceh sementara lembaga zakat lain menetapkan 85 gram emas. Padahal mereka menjalankan pengelolaan zakat pada tempat yang sama. Inilah isu-isu yang perlu dicari jalan penyelesaian oleh kedua-dua belah pihak, samada lembaga zakat kerajaan ataupun swasta.

4.3.5. Kurang Optimal Pelaksanaan Rebet Cukai Pendapatan

Mengikut undang-undang Republik Indonesia nomor 23 tahun 2011 tentang pengelolaan zakat Pasal 22 menyatakan bahawa zakat yang dibayarkan oleh muzaki kepada

²³ Marthin Desky (Kepala Baitul Mal Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 6 Jun 2011. Dan juga Riyadhi. (Maneger Rumah Zakat Indonesia cawangan Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 4 Jun 2013. perkara yang sama juga disampaikan oleh Rohandi (Maneger Pos Keadilan Peduli Umat cawangan Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 5 Jun 2013

²⁴ Undang-undang Republik Indonesia, No.23/2011 pada bahagian kelima Pelaporan yang terdapat pada pasal 29 pada butir ketiga.

BAZNAS atau LAZ dikurangkan dari penghasilan kena pajak.²⁵ Namun pelaksanaan rebet cukai pendapatan selama ini belum berjalan dengan baik, hal ini kerana unit pengumpul zakat dan institusi percukaian belum terjalin hubungan kerja dengan baik, khususnya terhadap lembaga-lembaga zakat swasta, walaupun demikian hal ini masih dalam proses penyesuaian dengan pihak percukaian yang diharapkan akan lebih baik di masa hadapan.²⁶ Sementara di Bitul Mal pelaksanaan rebet cukai lebih teratur kerana skim pemotongan gaji bagi pegawai kerajaan akan dikira sekali antara cukai dan zakat secara otometik.

4.3.6. Kurang Optimalisasi Sumber Zakat Pendapatan

Mengikut konsep zakat pendapatan, yang menjadi sumber zakat tersebut terdiri dari mana-mana pendapatan yang bukan disebabkan pelaburan, iaitu daripada hasil usaha fizikal ataupun buah fikiran yang kemudian mendapatkan pendapatan dalam bentuk upah ataupun gaji. Oleh yang demikian, banyak kategori pekerjaan yang tertakluk kepada zakat pendapatan seperti guru, pegawai kerajaan dan NGO, pegawai syarikat, peguam, doktor, arkitek, kontaktor, jurujual, juruwang dan sebagainya.

Namun pelaksanaan di Aceh selama ini lebih terfokus kepada guru dan pegawai kerajaan sahaja. Khususnya lembaga zakat rasmi kerajaan. Tentunya keadaan ini telah menyebabkan banyak potensi zakat yang terlepas dari kutipan zakat. Untuk itu, usaha ke arah menarik muzakki dari kalangan swasta dan pegawai syarikat-syarikat besar dan kecil perlu ditingkatkan kerana optimalisasi sumber zakat pendapatan merupakan sesuatu yang sangat mustahak dilakukan.

²⁵ Undang-undang Republik Indonesia, No.23/2011 pada bab III bahagian kesatu pengumpulan terdapat pada pasal 22.

²⁶ Riyadhi. (Maneger Rumah Zakat Indonesia cawangan Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 4 Jun 2013.

4.3.7. Tiada Tolakan Perbelanjaan Asas Sebelum Zakat Pendapatan di Keluarkan.

Seperti yang telah sedia dipahami bahawa asas kepada pembayaran zakat adalah kepada harta yang melebihi nisab, hal ini bermakna telah terpenuhi keperluan wajib diri dan yang di bawah tanggungannya sehingga dapat disebut seseorang itu sudah mencapai peringkat kaya kerana hartanya telah berlebihan daripada nisab. Hal ini sesuai dengan firman Allah SWT dalam potongan surah al-Baqarah ayat 219 :

وَيَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلِ الْعَفْوَ

Al-Baqarah 2:219

Terjemahan: Mereka bertanya kepadamu (Muhammad) tentang apa yang mereka nafkahkan. Katakanlah: (Apa) yang lebih daripada keperluanmu.

Maka berdasarkan ayat diatas dapat disimpulkan bahawa zakat pendapatan diwajibkan keatas harta yang telah mencapai nisab dan melebihi keperluan. Adapun keperluan yang dimaksudkan adalah yang merangkumi enam aspek perbelanjaan asasi, iaitu pemakanan, pemakaian, tempat tinggal, pendidikan, rawatan kesihatan dan transportasi. Oleh sebab itu dikalangan ulama ada yang berpandangan bahawa dibenarkan untuk menolak dengan tolakan-tolakan tertentu berdasarkan enam aspek di atas supaya tidak membebankan masyarakat yang sebenarnya belum wajib mengeluarkan zakat disebabkan tanggungan asasnya belum terpenuhi. Adapun jumlah tolakan-tolakan tersebut bergantung keadaan dan ijtihad ulama tempatan. Namun begitu, terdapat juga pandangan dikalangan ulama yang menyatakan bahawa zakat pendapatan dikeluarkan tanpa perlu menolak apa-apa perbelanjaan. Ia dikiaskan dengan zakat pertanian yang mesti dikeluarkan sebaik sahaja ia dituai tanpa perlu menolak perbelanjaan terdahulu. Maka berdasarkan pandangan-pandangan di atas

banyak lembaga zakat yang telah menerapkan di dalam pengutipan zakat pendapatan dengan memberikan pilihan kepada muzakki di antara mengeluarkan zakat dari pendapatan bersih dengan tolakan-tolakan asas di atas ataupun dari pendapatan kotor tanpa sebarang tolakan.

Berdasarkan perbincangan di atas, maka salah satu yang menjadi isu di dalam pelaksanaan kutipan zakat di Aceh adalah belum ada mekanisme tolakan terhadap perbelanjaan asas sebelum zakat pendapatan itu dikeluarkan. Sampai saat ini, belum ada panduan baku yang ditetapkan oleh mana-mana lembaga zakat ataupun pemerintah melalui undang-undang terhadap ketetapan jenis-jenis tolakan.²⁷ Yang akan menjadi isu di sini adalah terhadap muzakki yang sebenarnya belum berkewajipan mengeluarkan zakat pendapatan kerana banyaknya tanggungan namun terpaksa membayar kerana tertakluk kepada skim pemotongan gaji atau kerana telah mencapai nisab apabila dilihat dari pendapatan kotor. Oleh sebab itu, kami kira perlu dibina sebuah mekanisme tolakan-tolakan tertentu supaya ada pilihan bagi muzakki sebelum mengeluarkan zakat pendapatannya.

4.4. Kesimpulan

Dari penguraian di atas dapat kita simpulkan bahawa yang menjadi isu di dalam pengutipan zakat pendapatan dapat dibahagikan menjadi dua, iaitu isu-isu luaran lembaga zakat dan isu-isu dalaman. Adapun isu-isu luaran dapat kita perincikan menjadi beberapa bahagian. Yang pertama adalah kurangnya kesedaran masyarakat terhadap kewajipan zakat pendapatan. Walaupun undang-undang telah menetapkan

²⁷ Marthin Desky (Kepala Baitul Mal Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 6 Jun 2011. Dan juga Riadhi (Maneger Rumah Zakat Indonesia cawangan Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 4 Jun 2013. perkara yang sama juga disampaikan oleh Rohandi (Maneger Pos Keadilan Peduli Umat cawangan Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 5 Jun 2013.

dan MPU telah memfatwakan kewajipan zakat pendapatan namun masyarakat masih lagi mempertikaikan hukum tersebut, ditambah lagi dengan pendapat ulama-ulama pondok tempatan yang menyatakan tiada perbahasan di dalam kitab mengenai hukum zakat ini, oleh sebab itu tiada kewajipan ke atasnya. Sudah tentu, hal ini telah menyebabkan sebahagian orang tidak mengeluarkan zakatnya padahal potensi zakat pendapatan sangatlah besar.

Isu luaran yang kedua adalah perbezaan penerapan konsep zakat pendapatan di kalangan lembaga-lembaga zakat, seperti yang sedia maklum wujud *khilafiyah* (perbezaan pendapat) di kalangan ulama berkaitan konsep zakat pendapatan yang merangkumi syarat haul, nisab dan kadarnya. *Khilafiyah* ini telah menyebabkan penerapan konsep zakat tersebut berbeza-beza di kalangan lembaga zakat. Khususnya penerapan syarat haul di mana ada lembaga zakat yang mensyaratkan haul dan ada pula yang tidak mensyaratkannya. Begitu juga perbezaan di dalam menentukan jumlah nisab, ada lembaga yang menentukan 85 gram emas dan ada juga 94 gram emas begitu juga ada yang menetapkan 5 *wasaq* iaitu dikiaskan kepada zakat pertanian. Perbezaan penerapan ini telah menjadi sebuah masalah di dalam pengutipan zakat pendapatan kerana berkaitan waktu pengutipan dan had jumlah harta yang wajib dikeluarkan zakatnya tidak seragam di antara satu lembaga zakat dengan yang lainnya.

Pengelolaan zakat di Aceh saat ini tidak dikelola oleh satu lembaga zakat sahaja, malainkan wujud beberapa lembaga zakat yang sama-sama aktif di dalam pengutipan zakat pendapatan. Wujudnya multi-lembaga zakat ini disebabkan dualisme undang-undang di dalam pengelolaan zakat, iaitu undang-undang Indonesia dan kanun Aceh kerana Aceh merupakan daerah yang mendapatkan otonomi khusus (OTSUS) yang berbeza dengan daerah lain di Indonesia. Undang-undang Indonesia yang

dimaksudkan adalah undang-undang nomor 23 tahun 2011 tentang pengelolaan zakat. Sementara undang-undang Aceh adalah kanun Aceh nomor 10 tahun 2007 tentang Baitul Mal. Kewujudan multi-lembaga zakat ini telah berpeluang memunculkan persaingan dalam perebutan daerah pengutipan zakat dan juga berpeluang terjadi dua kali (*double*) penyaluran zakat kepada mustahik yang sama. Sebenarnya, sebagai solusi dari perkara di atas diperlukan hubungan di kalangan lembaga-lembaga zakat yang bersifat saling memberi informasi di dalam pengutipan zakat pendapatan. Namun hubungan yang diharapkan ini belum berjalan dengan baik sehingga menyebabkan tiada laporan yang diterima oleh lembaga zakat Baitul Mal dari lembaga-lembaga zakat lainnya.

Isu luaran selanjutnya adalah sikap kurang percaya masyarakat terhadap lembaga zakat. Ini merupakan cabaran yang paling besar dihadapi oleh semua lembaga zakat di Aceh. Masyarakat lebih gemar mengagihkan sendiri zakat mereka. Fenomena ini bukan hanya melibatkan individu-individu mazakki sahaja bahkan juga melibatkan instansi-instansi kepegawaian tertentu di Aceh samada dibawah kerajaan ataupun swasta. Amalan seperti ini sudah tentu telah menyebabkan penurunan prestasi pengutipan zakat di semua lembaga zakat. Apabila dilihat dari aspek penyaluran pula akan menimbulkan penyaluran zakat yang tidak seimbang di kalangan mustahik zakat kerana tiada data khas yang dapat dibuat dari praktik penyaluran zakat seperti ini. Adapun isu luaran yang terakhir adalah kurang optimal di dalam penerapan rebet cukai pendapatan walaupun undang-undang baru telah dikeluarkan, hal ini disebabkan masih dalam pengaturan sehingga memerlukan waktu dan hubungan kerja yang baik di antara lembaga zakat dengan department percukaian Aceh.

Adapun isu-isu dalaman yang telah mempengaruhi kutipan zakat pendapatan di Aceh dapat dibahagikan menjadi beberapa bahagian. Isu yang pertama adalah berkaitan profesionalisme pengelola zakat. Seperti dimaklumi oleh semua lembaga zakat bahawa pengelola zakat yang profesional masih kurang di Aceh dan bahkan pengelola yang sedia adapun masih ada yang bekerja di lembaga zakat dalam bentuk separuh masa (part time) atau yang sudah bersara dari jawatan tertentu dilantik kembali sebagai pengelola zakat dan bahkan ada juga yang rangkap jabatan dengan intitusi lain. Keadaan seperti ini telah menyebabkan pelaksanaan kutipan zakat tidak maksimal dan terkesan tidak fokus dalam bekerja. Oleh sebab itu sumber insan yang profesoianal di dalam pengurusan zakat sangat diperlukan. Bahkan diperlukan juga kepada tenaga professional dalam bidang teknologi maklumat, kewangan, audit dan sebagainya.

Isu yang kedua adalah berkaitan dengan kelengkapan maklumat data zakat. Maklumat data yang dimaksudkan ialah maklumat tentang muzakki, mustahik, hasil kutipan dan penyaluran zakat secara lengkap dan tepat. Kelengkapan maklumat data saat ini di lembaga-lembaga zakat di Aceh masih kurang, sehingga kami tidak mendapati maklumat data yang khusus mengenai peratusan pengutipan zakat pendapatan berbanding dengan zakat yang lain padahal ianya sangat penting untuk mengetahui prestasi pengutipan zakat pendapatan berbanding dengan jenis zakat-zakat yang lain. Oleh sebab itu maklumat data saat ini sangat mustahak diperlukan mengingat pengelolaan zakat pendapatan di Aceh dijalankan oleh beberapa lembaga zakat. Pemantapan maklumat data zakat perlu segera dikemaskini untuk mengelak perebutan lahan pengutipan zakat dan juga mengelak dari terjadinya penyaluran zakat yang tertumpu pada satu areal tertentu sahaja. Disamping itu juga dengan adanya

maklumat data yang lengkap akan lebih mudah untuk membuat perancangan ke hadapan.

Yang menjadi isu dalaman yang ketiga adalah mengenai sistem teknologi maklumat yang diguna pakai. Sistem teknologi yang digunakan saat ini masih pada tahap yang standar. Pemantapan sistem teknologi maklumat adalah suatu perkara yang mesti dilaksanakan oleh mana-mana lembaga zakat yang ingin mencapai kecemerlangan. Bagi mendapatkan sistem teknologi maklumat yang terbaik dan terkini, sudah pasti melibatkan kos yang tinggi. Ia menjadi cabaran kepada semua lembaga zakat di Aceh untuk menampung kos tersebut dan pelaburan perlu dilakukan bagi mendapatkan sistem teknologi maklumat yang terbaik. Sebagai contoh menciptakan program pengiraan zakat secara online sehingga masyarakat dapat lansung mengira zakatnya tanpa perlu bertanya kepada lembaga zakat.